

22/10/2001

Belanjawan positif kepada syarikat IT tempatan

Khairul Anuar Samad

BELANJAWAAN 2002 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, Jumaat lalu, membuka peluang besar kepada syarikat teknologi maklumat (IT) tempatan untuk bergiat lebih aktif dalam industri itu.

Malahan Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Komputer Nasional Berhad (Nascom), Zulkifli Amin Mamat menganggap ia juga membuka peluang perniagaan kepada syarikat IT tempatan.

Katanya, dengan memberi tumpuan sekali lagi kepada pengkomputeran di sekolah, ini menunjukkan kerajaan terus menjadikan agenda IT untuk pendidikan itu keperluan utama.

Ini sekali gus membuka peluang kepada syarikat IT tempatan menyediakan produk di samping menyediakan perkhidmatan sampingan lain berkaitan IT kepada sektor berkenaan.

"Peluang kepada syarikat tempatan untuk mempertingkatkan operasi dan perniagaan semakin cerah memandangkan kerajaan sebelum ini sudah menyediakan peruntukan rangsangan dalam sektor pendidikan melalui makmal komputer di sekolah," katanya kepada Berita Komputer, di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Beliau berkata demikian ketika mengulas belanjawan 2002 yang antara intipatinya masih tetap menumpukan kepada IT khususnya dalam pembangunan makmal komputer.

Zulkifli berkata, walaupun berlaku peperangan atau kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat, pakej belanjawan itu masih mampu menjana dan merangsangkan perkembangan syarikat IT tempatan.

Katanya, apa yang nyata rakyat sudah pasti akan menjana semula ekonomi dengan galakan yang disediakan melalui pakej itu dan ia tetap menjadi satu pertumbuhan yang positif.

"Ekonomi negara akan tetap menarik walaupun perkembangannya tidak serancak dan secergas sebagaimana yang dirancang sebelum ini.

"Kali ini akan menyaksikan syarikat IT tempatan sama ada terbabit dalam produk seperti perkakasan komputer atau rumusan (perisian) lebih aktif dan maju dalam industri ini," katanya.

(END)